

**DI DALAM MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU**

*Dalam Perkara permohonan Semakan Kehakiman
(terhadap perintah Pengesahan Hibah)*

PERMOHONAN NO.: 11000-003-XXXX-2017

ANTARA

XYZ
(NO. KP : 710722-08-XXXX)

..PEMOHON

DENGAN

1. DANIEL NAJMI BIN XYZ
(NO. KP : 030123-03-XXXX)

2. MUHAMMAD DANISH NAJMI BIN XYZ
(NO. KP : 050115-11-XXXX)

3. SITI HALIMAH BINTI XXX
(NO.KP: 470820-03-XXXX)
RESPONDEN

...RESPONDEN-

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU**

KES MAL NO : 11200-044-XXXX-2010

ANTARA

ABCZ
...PLAINTIF
(NO. KP : 670222-03-XXXX)

DENGAN

XYZ
(NO. KP : 710722-08-XXXX)

...DEFENDAN

DI HADAPAN PANEL RAYUAN:

Y.A.A Tuan Haji Wan Mohd Zakri bin Wan Mohd

Pengerusi

Y.A.A Dato' Aria D' Raja Dato' Haji Daud bin Muhamad

Ahli

PADA HARI RABU , 05 JAMADILAKHIR 1439H
BERSAMAAN 21 FEBRUARI 2018

Peguam Syarie Pemohon: Wan Mohd Azziadi Bin Wan Abdul Jalil dari Tetuan Wan Mohd Azziadi.

Peguam Syarie Responden-responden: -

ALASAN PENGHAKIMAN

1.0 FAKTA KES

- 1.1 Pemohon, XYZ (NO. KP : 710722-08-XXXX) telah memfailkan satu permohonan semakan kehakiman terhadap perintah berkaitan pengesahan hibah kes Mal No: 11200-044-XXXX-2010 yang telah dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu pada 20/06/2010.
- 1.2 Pemohon ingin membuat semakan bagi perintah Mahkamah yang bertarikh pada 20.06.2010 tersebut pada perenggan ketiga iaitu bagi sebidang tanah GM XXX, Lot ABC, Mukim XXXX, Jajahan Pasir Mas, Kelantan Darul Naim beserta sebuah rumah kediaman di atasnya yang telah dan masih bergadai dengan pihak CIMB Bank No. Perserahan 2647/2008 dihibahkan kesemua bahagian kepada Plaintiff dan dua orang anak iaitu Daniel Najmi Bin XYZ , No. S/B 030123-03-XXXX dan Muhammad Danish Najmi Bin XYZ , No. S/B: 050115-11-XXXX dengan kos bayaran bulanan ditanggung oleh Defendan.
- 1.3 Pemohon telah berkahwin dengan dengan ABCZ, No. KP : 670222-03-XXXX pada 16/02/2002. (meninggal dunia pada 9/7/2014).
- 1.4 Hasil perkahwinan di antara Pemohon dan ABCZ ini, mereka dikurniakan seramai dua (2) orang cahaya mata (Responden 1 dan 2) manakala Responden 3 adalah ibu kepada ABCZ.

- 1.5 seterusnya, ABCZ telah memfailkan satu tuntutan pengesahan hibah ke Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu melalui kes Mal No. 11200-044-XXXX-2010.
- 1.6 Hasil persetujuan bersama antara Pemohon dan ABCZ, Mahkamah telah mengeluarkan perintah-perintah sepertimana berikut,
1. Saya sabitkan permohonan yang difailkan oleh Plaintiff.
 2. Saya sabitkan dan perintahkan dengan persetujuan kedua-dua pihak bahawa:
 - 2.1 sebuah kereta jenis proton waja 1.6 (A) No. Pendaftaran : TAJ 2XXX; No.Casis PL1CF1SRR5F224379, dihibahkan oleh Defendan kesemua bahagian kepada Plaintiff dengan segala kos penukaran nama ditanggung oleh Plaintiff.
 - 2.2 Sebidang tanah yang berketerangan HSM XXX/92 PT XXX Mukim XXX, Jajahan Machang , Kelantan Darul Naim dihibahkan kesemua bahagian kepada Plaintiff dan dua orang anak iaitu Daniel Najmi Bin XYZ , No. S/B 030123-03-XXXX dan Muhammad Danish Najmi Bin XYZ , No. S/B: 050115-11-XXXX.
 - 2.3 Sebidang tanah GM XXX, Lot ABC, Mukim XXXX, Jajahan Pasir Mas, Kelantan Darul Naim beserta sebuah rumah kediaman di atasnya yang telah dan masih bergadai dengan pihak CIMB Bank No. Perserahan2647/2008 dihibahkan kesemua bahagian kepada Plaintiff dan dan dua orang anak iaitu Daniel Najmi Bin XYZ , No. S/B 030123-03-XXXX dan Muhammad Danish Najmi Bin XYZ , No. S/B: 050115-11-XXXX dengan kos bayaran bulanan ditanggung oleh Defendan.
 - 2.4 Kos ditanggung oleh pihak masing-masing.

2.0 ALASAN-ALASAN PERMOHONAN

- 2.1 Yang Arif Tuan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu telah terkhilaf apabila mensabitkan dan membenarkan sebidang tanah GM XXX, Lot ABC, Mukim XXXX, Jajahan Pasir Mas, Kelantan Darul Naim beserta sebuah rumah kediaman di atasnya yang telah dan masih bergadai dengan pihak CIMB Bank No. Perserahan 2647/2008 dihibahkan kesemua bahagian kepada Plaintiff dan dan dua orang anak iaitu Daniel Najmi Bin XYZ , No. S/B 030123-03-XXXX dan Muhammad Danish Najmi Bin XYZ , No. S/B: 050115-11-XXXX.
- 2.2 Pemohon tidak pernah mendapat kebenaran daripada CIMB Bank bagi menghibahkan asset tersebut yang masih bergadai dengan pihak Bank;
- 2.3 permohonan semakan ini adalah penting dan perlu diubah dengan segera memandangkan perintah tersebut adalah diragui dari segi kesahihannya menurut hukum Syarak.

3.0 DAPATAN / ULASAN MAHKAMAH RAYUAN

- 3.1 Adalah jelas Mahkamah rayuan ini adalah berbidang kuasa mendengar dan memutuskan permohonan semakan yang dipohon oleh pemohon berdasarkan kepada Seksyen 18 Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 berkenaan Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Rayuan Syariah yang mana memperuntukkan;

Seksyen 18 Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Rayuan Syariah

(1) Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan ke atas Mahkamah Tinggi Syariah dan boleh, jika didapati perlu olehnya demi kepentingan keadilan, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas kehendak mana-mana pihak atau orang yang berkepentingan, pada mana-mana peringkat dalam

apa-apa perkara atau prosiding, sama ada mal atau jenayah, dalam Mahkamah Tinggi Syariah, memanggil dan memeriksa mana-mana rekod tentang perkara atau prosiding itu dan boleh memberikan apa-apa arahan yang dikehendaki demi keadilan.

- 3.2 Bagi maksud permohonan semakan perintah pengesahan hibah ini bagi harta tanah yang masih bercagar dengan CIMB ini, kami telah membaca dan meneliti Notis permohonan pemohon dan affidavit sokongan pemohon beserta hujahan Pemohon. Apa yang menjadi **isu utama** terhadap permohonan semakan ini adalah:

samaada perintah persetujuan bersama terhadap sebidang tanah GM XXX, Lot ABC, Mukim XXXX, Jajahan Pasir Mas, Kelantan Darul Naim beserta sebuah rumah kediaman di atasnya yang telah dan masih bergadai dengan pihak CIMB Bank No. Perserahan 2647/2008 yang dihibahkan kesemua bahagian kepada Plaintiff dan dua orang anak iaitu Daniel Najmi Bin XYZ , No. S/B 030123-03-XXXX dan Muhammad Danish Najmi Bin XYZ , No. S/B: 050115-11-XXXX dengan kos bayaran bulanan ditanggung oleh Defendan adalah sah atau tidak?

- 3.2 **Prof. Dr. Wahbah Al-Zuhaily di dalam kitab Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh, Jilid. V, terjemahan oleh Dr. Ahmad Shahbari Salamon, et. al, hlm. 3390, antara syarat Pemberi Hibah ialah memiliki penuh barang itu, bukan barang yang dirampas atau barang yang digadai atau barang pinjaman atau barang yang tidak diketahui. Menurut beliau lagi di antara syarat-syarat barang yang diberi iaitu ;**

"Barang itu hendaklah dipunyai oleh dirinya sendiri dan barang itu hendaklah dimiliki oleh pemberi. Pemberian tidak boleh berlaku pada harta benda kepunyaan orang lain tanpa izinnya, kerana adalah mustahil menyerahkan hakmilik pada barang yang tidak dimilikinya"

3.3 Merujuk kepada kes **Kamsiah Binti Yusof Iwn. Latifah Binti Yusof & 3 Yang Lain, JH 27 Jilid 2 Tahun 2009, hlm. 235**, Hakim Bicara telah menerangkan berkaitan rukun mawhub sepertimana berikut ;

“Menurut Hukum Syarak, harta yang hendak dihibah mestilah menjadi milik penghibah secara sempurna iaitu tidak bercampur dengan milik orang lain atau tiada perkongsian dengan orang lain serta barang itu merupakan barang yang bermanfaat dan diakui oleh Syarak”.

3.4 Berdasarkan kes tersebut, *mawhub* juga hendaklah tidak bercampur dengan milik orang lain. Bagi kes ini, tanah tersebut dimiliki oleh Simati pada asalnya, akan tetapi telah digadai kepada pihak Lembaga Pelabuhan Kelang atas tujuan untuk mendapat wang untuk membina rumah atas tanah tersebut. Bagi membiayai kos membuat rumah, tanah tersebut telah dibuat cagaran atau gadaian dengan pihak Lembaga Pelabuhan Kelang bagi mendapatkan sejumlah wang bagi pembayaran kos pembinaan rumah. Maka ketika ini, wujud pihak ketiga iaitu Lembaga Pelabuhan Kelang terhadap tanah tersebut dan menunjukkan bahawa hak Simati terhadap tanah tersebut bukanlah milikan sepenuhnya.

3.5 Walau bagaimanapun, bagi harta yang dicagarkan atau digadai atau dalam pegangan orang lain sepertimana yang terjadi dalam kes ini, syarat barang / harta yang dihibah ini menjadi sah dengan syarat pihak ketiga dimaklumi dengan hibah tersebut serta mengizinkan untuk dipindahmilikan. Hal ini dijelaskan dalam perkara 857, Al-Majalah Al-Ahkam Al-Adliyyah terjemahan oleh Md. Akhir Bin Haji Yaacob iaitu ;

Barang yang dihadahkan mestilah menjadi milik orang yang memberi hibah. Oleh itu, jika seseorang menghadahkan harta orang lain tanpa izinnya, hibah itu tidak sah. Tetapi, sekiranya selepas pemberian hadiah dibuat, pemilik harta itu meluluskan pemberian tersebut maka hadiah itu menjadi sah.

- 3.6 Kami merujuk kes di hadapan kami ini, alasan yang diujahkan oleh pemohon adalah bahawa keizinan dari pihak CIMB bank selaku pemegang gadaian terhadap harta tanah tersebut tidak pernah diminta oleh pemberi hibah. Namun, kami dapati, Pemohon juga gagal membawa pihak CIMB selaku pemegang gadaian ke Mahkamah bagi menyatakan kebenaran dan keizinan terhadap tanah yang masih dalam gadaian pihak CIMB tersebut.
- 3.7 Oleh yang demikian, di dalam kes ini kami menegaskan bahawa terdapatnya qarinah mengenai keizinan dari pihak CIMB Bank setelah diteliti Borang Gadaian 16A yang ditandatangani oleh pihak CIMB Bank pada 24 Julai 2008. Ini jelas menunjukkan bahawa keizinan dari pihak bank sebagai pemegang gadaian telah pun diperolehi.

KEPUTUSAN

Setelah kami meneliti Notis permohonan Pemohon , affidavit sokongan pemohon beserta hujahan pemohon, serta alasan- alasan tersebut di atas maka kami sebulat suara memutuskan dan membuat perintah seperti berikut;

1. Mahkamah memutuskan bahawa hibah terhadap sebidang tanah GM XXX, Lot ABC, Mukim XXXX, Jajahan Pasir Mas, Kelantan Darul Naim beserta sebuah rumah kediaman di atasnya yang telah dan masih bergadai dengan pihak CIMB Bank No. Perserahan2647/2008 dihibahkan kesemua bahagian kepada Plaintiff dan dan dua orang anak iaitu Daniel Najmi Bin XYZ , No. S/B 030123-03-XXXX dan Muhammad Danish Najmi Bin XYZ, No. S/B: 050115-

11-XXXX dengan kos bayaran bulanan ditanggung oleh Defendan adalah **SAH.**

Penghakiman ini diberikan oleh:

.....
Y.A.A Tuan Haji Wan Mohd Zakri bin Wan Mohd
Pengerusi
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Negeri Terengganu

Dipersetujui oleh:

.....
Y.A.A Dato' Aria D' Raja Dato' Hj. Daud bin Muhammad
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Negeri Terengganu

.....
Y.A.A Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Md Yunos
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Negeri Terengganu